

12 MAR 2000

Umno - Melaka

EMPAT BAHAGIAN DI MELAKA CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

MELAKA, 12 Mac (Bernama) --Empat bahagian Umno Melaka yang telah mengadakan sidang perwakilan mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Kota Melaka, Selandar, Alor Gajah dan Batu Berendam, manakala Jasin dijangka akan mengadakan sidang perwakilannya pada Ahad depan.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan calon naib presiden yang mendapat pencalonan daripada keempat-empat bahagian itu, manakala Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman mendapat dua pencalonan, daripada bahagian Batu Berendam dan Alor Gajah.

Calon naib presiden yang mendapat satu pencalonan ialah Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar (Alor Gajah), Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar (Batu Berendam), Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Samad (Selandar), Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Osu Sukam (Kota Melaka), Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin (Kota Melaka) dan Tan Sri Muhammad Mohd Taib (Selandar).

Bagi kerusi Majlis Tertinggi (MT), dua calon dari Umno Melaka iaitu Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan Tan Sri Rahim Thamby Chik mendapat pencalonan daripada keempat-empat bahagian tersebut.

Pencalonan Rahim itu agak "mengejutkan" kerana Badan Perhubungan Umno Melaka sebelum ini telah mengumumkan keputusan untuk mencalonkan Mohd Ali sahaja sebagai calon tunggal Umno Melaka bagi kerusi MT.

Bagi pencalonan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, keempat-empat bahagian itu mencalonkan Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Mesyuarat empat pergerakan pemuda bahagian itu juga mencalonkan anggota Exco Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan naib ketua.

Sementara itu, bagi pencalonan jawatan Ketua Wanita Umno, kecuali pergerakan Wanita Bahagian Alor Gajah, ketiga-tiga bahagian lain telah mencalonkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Mesyuarat Wanita bahagian Alor Gajah mencalonkan penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, manakala Rafidah dicalonkan oleh Batu Berendam, Selandar dan Kota Melaka.

Wanita Bahagian Alor Gajah mencalonkan Ainon Khairiyah Mohd Abas bagi jawatan naib ketua manakala Batu Berendam, Selandar dan Kota Melaka mencalonkan Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Mesyuarat Wanita Bahagian Selandar adalah satu-satunya bahagian yang mengadakan pengundian bagi pencalonan ketua wanita, manakala bagi bahagian-bahagian lain, cadangan pencalonan disokong sebulat suara.

Rafidah dan Sharizat dipilih oleh 113 perwakilan manakala Siti Zaharah dan Ainon hanya mendapat 34 undi pada mesyuarat bahagian Selandar.

-- BERNAMA

MOZ RI